

PROGRAM FITRAH SUCI KE ARAH PEMANTAPAN KEROHANIAN DI KALANGAN PENGHUNI PPA MACHANG, KELANTAN: SATU KAJIAN RINTIS

Siti Fatimah Tasir^{1,a}, Che Bakar Che Mat^{2,b}, Mohd Nazri Mat Zin^{3,c}, Mohd Khairul Anuar Ismail^{4,d}, Mohd Miqdad Aswad Ahmad^{5,e}, Husaini Ab.Razab^{6,f}, Mohd Shamsul Bahrin Zakaria^{7,g}, Lokman Zulkifli^{8,h}, Zanirah Mustafa @ Busu^{9,i}

^{1,2,3,4,5,6,7,8,9} Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia

^afatim03@kelantan.uitm.edu.my, ^bchebakar@kelantan.uitm.edu.my, ^cnazri743@kelantan.uitm.edu.my, ^danuar785@kelantan.uitm.edu.my, ^emiqdad@kelantan.uitm.edu.my, ^fhusaini@kelantan.uitm.edu.my, ^gshamsul006@kelantan.uitm.edu.my, ^hlokma693@kelantan.uitm.edu.my, ⁱzanir126@kelantan.uitm.edu.my

Kata kunci: Medium Dakwah, Program Fitrah Suci, Pemulihan, akhlak

Abstrak. Institusi penjara bukanlah sebagai tempat menghukum pesalah tetapi ia juga berperanan sebagai tempat pemulihan terhadap penghuninya. kajian ini dilakukan di Pusat pemulihan Akhlak Machang, Kelantan dengan mengkhusus kepada mengenal pasti program motivasi berasaskan Islam melalui modul Program Fitrah Suci sebagai medium dakwah. Program ini merupakan suatu pendekatan bagi memulihkan penghuni institusi ini supaya mendapat peluang dan ruang untuk merubah diri kepada akhlak mahmudah. Matlamat program ini adalah sebagai pemangkin terhadap aktiviti keagamaan yang telah dijalankan oleh pihak penjara dan memberi input keagamaan serta menimbulkan rasa keinsafan kepada para peserta. Diharap selepas mengikuti program ini para peserta dapat memperbaiki diri seiring dengan kehendak agama. Kajian ini dilaksanakan khusus bagi mengenal pasti sejauh mana kesigifikanan program tarbiyah yang berasaskan Islam melalui program Fitrah Suci sebagai medium dakwah dalam kalangan penghuni sebagai rawatan dan pemulihan akhlak . kajian ini bersifat kajian lapangan dan menjadikan Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) sebagai kajian rintis kami. Program ini mengambil masa selama enam bulan. Kaedah penyampaian isi kandungan modul dipersembahkan dalam bentuk yang bervariasi serta bersesuaian dengan tahap pemahaman penghuni. Pemilihan isi kandungan yang bertepatan dengan keperluan sasaran dakwah sememangnya adalah aspek yang perlu dititikberatkan supaya penerimaan mesej dakwah menjadi lebih berkesan. Kaedah temubual digunakan bagi mendapatkan data kajian di samping kaedah pemerhatian. Diharapkan program ini boleh menjadi pemangkin kepada mereka mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan setelah bebas dari Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang,Kelantan.

Pengenalan

Pendidikan keagamaan adalah ramuan yang paling penting bagi membentuk sahsiah insan yang dituntut oleh ajaran Islam. Seseorang yang ditarbiah dengan ilmu agama dan mengamalkan ilmu itu secara berterusan (istiqamah) nescaya akan memperoleh input berguna untuk menghindari daripada perbuatan terkutuk, maksiat dan kelakuan menyimpang daripada tata susila serta budaya masyarakat [1].

Program Fitrah Suci merupakan program berteraskan kepada agama untuk penghuni penjara beragama Islam yang terlibat dengan pelbagai kes jenayah. Program ini merupakan kerjasama dengan pihak Jabatan Penjara Malaysia, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM. Kertas cadangan telah dikemukakan oleh pihak ACIS kepada Jabatan Penjara Malaysia di Penjara Kajang. Setelah persetujuan dicapai maka satu perjumpaan telah dibuat di pejabat MAIK yang melibatkan wakil dari UiTM Cawangan Kelantan (Rektor), ACIS Shah Alam, dan juga wakil dari PPA Machang. Program ini merupakan projek rintis, maka ACIS UiTM Cawangan Kelantan diminta bertindak sebagai pelaksana. Tempoh masa yang dicadangkan adalah selama 6 bulan bermula pada bulan September 2017. Kejayaan program ini, akan diluaskan ke seluruh penjara di Malaysia[2].

Di bawah program ini, banduan didedahkan dengan mempelajari akidah, fekah, sirah/akhlak, al-Quran dan hadith bermula dari jam 2 tengahari sehingga 5.00 petang. Program ini bertujuan melahirkan penghuni yang dapat menghayati dan melaksanakan ajaran agama Islam sebagai cara hidup selepas mereka dibebaskan dari penjara kelak. Aspek keagamaan merupakan elemen penting untuk mengekang masalah sosial, maka penerapan dan pengukuhan agama dalam kalangan mereka yang bermasalah perlu diberi perhatian utama [3].

Dalam hal ini, [4] menjelaskan bahawa pengetahuan agama dan pengisian agama yang mantap mampu menjadi pelindung

kepada penghuni yang sedang menjalani proses rawatan pemulihan akhlak. Manusia yang mempunyai pengetahuan agama yang tinggi dilihat mampu mengatur kehidupan dengan lebih tenang, sempurna dan sejahtera. Justeru, kajian ini secara umumnya cuba meninjau salah satu program koreksi melalui program pendidikan agama Islam yang dilaksanakan di penjara untuk merawat dan memulihkan akhlak yang tidak baik dan tidak bermoral atau dikenali sebagai mazmumah kepada akhlak yang terpuji dan mulia, iaitu akhlak mahmudah.

Latar Belakang Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang

Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang, Kelantan beroperasi pada tahun 2008 dan merupakan projek pembinaan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMK-8) dan dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Ke- Sembilan (RMK-9) dengan kos pembiayaan berjumlah RM 125.5 juta. Institusi ini terletak di laluan Lebuhraya Tanah Merah–Machang, kira-kira 5 kilometer dari Bandar Machang, Kelantan. Kawasan premis dan tanah, di bawah pentadbiran. Majlis Daerah Machang. Kapasiti banduan seramai 1500. Bilangan banduan kini hampir 2000. Pusat Pemulihan Akhlak bertindak sebagai koreksional (1200 banduan) warga asing 150,LLPK (Tahanan Menteri) (500 banduan),POTA (Ancaman keselamatan “Daesh”) dan POKA (Gangster-gangster) dalam proses cadangan. Sistem pengoperasian Pusat Pemulihan Akhlak Machang ini menjadi satu dimensi baru di dalam sistem kepenjaraan di Malaysia ke arah mencapai visi menjadi Institusi Koreksional Bertaraf Dunia Menjelang 2020[5]. Seramai 8 orang pegawai yang berkhidmat di bawah bahagian agama termasuk dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Keseluruhan penghuni di PPA berumur antara 20 hingga 50 tahun. Majoriti berbangsa Melayu dan beragama Islam. Dapatan yang diperolehi dari temubual kebanyakkan peserta (90%) adalah terdiri dari pesalah dadah, jenayah lain juga kebanyakannya berkaitan dengan isu dadah yang mengakibatkan mereka mendorong untuk melakukan perbuatan mencuri, samun atau merompak,pecah rumah,mencederakan orang lain dan sebagainya. Namun, terdapat juga peserta yg dipenjarakan kerana kesalahan membunuh. Hasil dari temubual yang dilakukan dengan peserta, dadah amat mudah diperolehi. Terdapat pengakuan dari peserta bahawa tabiat mengambil dadah boleh ditinggalkan, namun *trigger* terhadap dadah sukar untuk dihilangkan[6].

Pernyataan Masalah

Penambahan bilangan banduan dalam pelbagai kesalahan sebagai indikator perjalanan sistem perundangan. Situasi ini menunjukan bahawa penghuni yang berada di institusi pemulihan ini terdedah dengan pelbagai kes jenayah yang berat di sisi Islam. Perkara ini mestilah dipandang serius khususnya oleh pihak institusi. Justeru, program-program yang berbentuk keagamaan dan kerohanian mestilah dimantapkan serta menjadikan agama sebagai teras pendidikan dalam pembinaan jati diri khususnya dalam kalangan pelatih di institusi. Terdapat penghuni yang tidak memahami Islam sebelum dimasukkan di institusi mula mempelajari Islam dan mengamalkan cara hidup Islam ketika berada di institusi penjara. Program ini sebagai platform untuk membantu unit agama dalam mendidik penghuni penjara dengan pelbagai pendekatan baru. Di samping menerokai apakah faktor-faktor penglibatan banduan di dalam kesalahan jenayah melalui beberapa kaedah yang sesuai.

Objektif Perlaksanaan

- 1) Program Fitrah Suci dijalankan sebagai pemangkin terhadap aktiviti keagamaan yang telah dijalankan oleh pihak penjara. Program ini bertujuan memberi input keagamaan terhadap para peserta, serta menimbulkan rasa keinsafan. Diharap selepas mengikuti program ini para peserta dapat memperbaiki diri seiring dengan kehendak agama.
- 2) Kajian ini dilaksanakan khusus bagi mengenal pasti sejauh mana kesigifikanan program tarbiyah yang berasaskan Islam melalui program Fitrah Suci yang berfungsi sebagai medium dakwah dalam kalangan penghuni sebagai rawatan dan pemulihan akhlak mazmumah beralih kepada akhlak mahmudah.

Kaedah Perlaksanaan

Program ini dijalankan sebanyak dua kali sebulan. Sehingga kini sebanyak sebelas sesi telah dijalankan. Program dijalankan bermula pukul 2 petang hingga selesai solat asar (4.30) kecuali pada sesi kelima ianya dijalankan dari jam 9.30 pg hingga 12.30, bersamaan dengan aktiviti asyura. Kajian ini merupakan sebuah entiti koreksi yang profesional dilakukan dikalangan para akademik dan pegawai agama dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Kelantan. Seramai 100 orang banduan (OB) atau peserta modul dalam lingkungan umur 20 hingga 50 tahun dipilih sebagai responden atau peserta modul. Tempoh pelaksanaan Program Fitrah Suci bermula pada bulan September 2017 sehingga februari 2018 iaitu selama 6 bulan. Pemilihan peserta dilakukan oleh pegawai unit agama PPA sendiri setelah melepasi FASA yang ditentukan. Kebenaran bagi melaksanakan temubual telah diperolehi semasa proses pelaksanaan program tersebut. Manakala penglibatan fasilitator atau penceramah di kalangan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Kelantan adalah secara sukarela yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang agama. Data dikumpul

secara temu bual. Responden atau peserta modul ditemubual oleh pengkaji sendiri dengan menggunakan temu bual separa berstruktur.

Temu bual separa berstruktur juga dilakukan kepada pegawai agama PPA yang bertugas mengawal perjalanan program tersebut. Kaedah pemerhatian juga gunakan disepanjang fasilitator mengendalikan program. Untuk merealisasikan proses tersebut, penyelidik atau fasilitator telah mengikuti prosedur-prosedur tertentu merangkumi perkara berikut iaitu Memohon kebenaran bertulis untuk menjalankan program dengan pelbagai kaedah dan pendekatan dan memohon kebenaran untuk mengedarkan soal selidik dan menjalankan temubual dengan peserta modul. Data di dalam kajian ini dalam proses dikumpul dengan menggunakan kaedah pengumpulan secara kuantitatif.

Menurut Ali Mahfudz matlamat dakwah ialah usaha memberi dorongan kepada manusia ke arah melakukan kebaikan untuk mendapat petunjuk Allah s.w.t. [7]. Menyeru melakukan perkara-perkara kebaikan dan melarang dari melakukan perkara-perkara kejahatan agar mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat [8]. Modul fitrah Suci mengandungi pelbagai pengisian antaranya berkaitan konsep manusia sebagai hamba, konsep ibadah dalam kehidupan, konsep taubat, konsep penyucian jiwa, hakikat kehidupan iaitu aspek pemilihan sahabat, konsep akidah, konsep ibtila’ iaitu ujian dalam kehidupan, sifat manusia antara iblis dan malaikat dan konsep manusia sebagai khalifah dilihat sangat relevan dan sejajar dengan matlamat dakwah.

Zikir munajat dilakukan sebelum program dimulakan bagi memperoleh keberkatan majlis. Seterusnya di adakan sesi ceramah dan tazkirah yang di sampaikan oleh tenaga pengajar Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM, Kelantan. Setiap peserta modul di arahkan untuk membentuk kumpulan-kumpulan kecil dan melakukan perbincangan berdasarkan topik yang di kemukakan oleh fasilitator. Tayangan video juga digunakan dalam mempelbagaikan pendekatan ke arah menarik minat dan memotivasikan peserta modul dalam usaha memberi kesedaran dan keinsafan dengan melihat kisah-kisah yang memberi pengajaran dan iktibar. Fasilitator juga menyediakan soalan-soalan kuiz yang berunsurkan keagamaan bersesuaian dengan tahap para peserta modul. Sesi perbentangan dilakukan oleh para peserta modul supaya dapat memberi peluang kepada mereka berkongsi idea. Program ini boleh mengajak para peserta mengenal Islam, menerimanya serta beramal secara konsisten. Secara tidak langsung, program dakwah yang dilaksanakan dapat menyelamatkan para peserta dari kegelapan dan kesesatan dan membawa manusia ke arah kehidupan yang diredhai Allah s.w.t.

Menurut Abdul Munir dalam kajiannya yang bertajuk “Keberkesanan Aktiviti Dakwah Terhadap Banduan di Penjara Kajang, Selangor”, aktiviti dakwah yang dijalankan dapat membantu para banduan meningkatkan ilmu pengetahuan, melaksanakan ibadah khusus dengan lebih baik dan sempurna, meningkatkan pengamalan akhlak mulia dan mampu menguruskan diri termasuk mental dengan baik [9]. Namun terdapat faktor yang menghalang keberkesanan aktiviti dakwah iaitu masalah timbul dari sikap banduan itu sendiri dan masalah yang melibatkan pengurusan dan pentadbiran di institusi penjara berkenaan. Program agama merupakan usaha-usaha perancangan yang dibuat bertujuan menyeru, mengajak dan seterusnya mendidik manusia supaya menerima Islam dan menghayati segala ajaran dalam kehidupan seharian, sama ada dalam kehidupan secara individu, masyarakat dan negara melalui cara yang telah ditetapkan oleh Islam.

Sehubungan itu, konsep berdakwah seharusnya bermula dari asas yang baik sehingga berjaya mencapai kejayaan dan kemenangan dan bukannya berakhir dengan keruntuhan dan kehancuran. Matlamat yang ingin dicapai melalui dakwah ada beberapa peringkat iaitu membawa kepada Islam bagi orang yang belum Islam, mempertingkatkan mutu kefahaman dan penghayatan Islam bagi orang Islam untuk melahirkan kekuatan kepada mereka, mendirikan sebuah negara yang diredhai, menuju kepada keselamatan dan kebahagiaan dan mendapat keredhaan Allah dan syurga-Nya[10].

Dapatan Dari Aktiviti Yang Dijalankan

Berikut merupakan dapatan kajian yang dikenal pasti memenuhi keperluan dakwah menerusi program yang dijalankan. Ramai peserta merasa bertuah ditakdirkan masuk penjara kerana di sinilah mereka mula belajar dan mendekati agama. Melahirkan rasa terimakasih atas kesanggupan pihak Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM, Kelantan untuk berkongsi ilmu dan tunjuk ajar kepada mereka. Mereka lebih selamat semasa dalam penjara,namun mereka tidak pasti sama ada boleh menjaga diri apabila berada di luar penjara. Kami juga mendapati ada di kalangan peserta yang betul-betul nampak keinsafan terpapar diwajah mereka semasa sesi ceramah dijalankan. Dapatan di atas memperlihatkan bahawa program yang dijalankan oleh sukarelawan dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Kelantan memenuhi matlamat dakwah. Dakwah adalah suatu usaha pembaikan dan pembangunan masyarakat ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Berdasarkan premis ini, usaha dakwah sangat diperlukan bagi meningkatkan cara hidup masyarakat ke arah kehidupan yang diredai Allah [11].

Modul ini berhasil menyuntik kesedaran kepada para peserta untuk berubah dan lebih mendekatkan diri kepada Allah. Pemahaman peserta terhadap asas ilmu agama turut dilihat telah membantu dan memotivasikan mereka supaya sentiasa

mempersiapkan diri dengan bekalan ilmu agama serta pelaksanaan amalan soleh atau ibadah dengan cara yang sempurna. Penghuni terdorong untuk memperbaiki kehidupan ke arah lebih baik setelah sedar akan kesilapan diri sehingga menjadikan mereka tekad untuk meninggalkan perkara kemungkaran yang pernah dilakukan. Dalam konteks penyampaian isi dakwah kepada sasaran, pada asasnya tiga bentuk isi perlu diberikan perhatian oleh pendakwah khususnya kepada sasaran beragama Islam iaitu; pertama, memperkukuhkan dan memantapkan pegangan akidah; kedua, melaksanakan tanggung jawab syariat dan ketiga, menghayati akhlak luhur[12].

Kaedah penyampaian isi kandungan modul dipersembahkan dalam bentuk yang bervariasi serta bersesuaian dengan tahap pemahaman peserta seperti menggunakan kaedah penceritaan, perbandingan, mengajak penghuni berfikir dan merenung tentang ayat-ayat al-Quran, al-Sunnah serta kisah teladan dan sebagainya. Manakala asas kepada gaya persembahan isi tersebut ialah kepelbagaian isi yang dipersembahkan dalam keadaan yang menarik, tiada kejemuhan, mudah difahami serta diminati oleh semua orang [13]. Kenyataan ini secara jelas menunjukkan bahawa pihak kami begitu komited dalam usaha menjayakan misi dakwah bagi memenuhi keperluan banduan yang selama ini begitu ketandusan pengetahuan agama. Pemilihan isi kandungan yang bertepatan dengan keperluan sasaran dakwah sememangnya adalah aspek yang perlu dititikberatkan supaya penerimaan mesej dakwah menjadi lebih berkesan. Keberkesanan program dakwah ialah sesuatu keadaan yang mendatangkan pengaruh kepada pemikiran, sikap, watak seseorang atau daya tarikan kepada seseorang atau perasaan serta kecenderungan ke arah yang baik. Individu membina kepercayaan berdasarkan keberkesanan realiti apa yang dilalui, disertai, diamati dan diperhatikan.

Kesimpulan

Kajian ini merupakan kajian rintis. Banyak lagi kajian yang perlu dijalankan bagi mengenalpasti dimensi yang pelbagai seperti apakah penjara mampu merubah mereka, bagaimana perasaan dan pengalaman apabila menjadi banduan, Keberkesanan hukuman yang sedia ada dan pengalaman dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan penjara sepanjang hayat. Hasil temubual juga mendapati program Fitrah Suci yang dilaksanakan di PPA membantu dalam meningkatkan kefahaman terhadap agama Islam di samping dapat memberikan kesedaran kepada peserta terhadap kepentingan mempelajari Islam serta menjadikan Islam sebagai cara hidup. Pelaksanaan sesuatu program jelas melibatkan tiga elemen utama iaitu pelaksana, sasaran dan topik yang disampaikan. Dalam konteks pelaksanaan program ini, pihka sukarelawan sebagai pelaksana mestilah memandang serius tugas dan amanah yang diberikan. Memandangkan golongan sasar di institusi pemulihan merupakan golongan yang mesti diberikan perhatian serius dan setiap tugas yang diberikan tidak boleh dipandang ringan. Pengisian program yang berbentuk keagamaan seharusnya dijadikan asas dalam program pemulihan yang dijalankan. Program sebegini sangat penting supaya peserta yang terlibat benar-benar sedar kesilapan mereka, tidak mengulangi dan bersedia untuk berubah dengan mengamalkan cara hidup Islam yang sempurna.

Penghargaan

Di sini kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UiTM Cawangan Kelantan kerana memberi tajaan peruntukan dana yuran icigi kepada kami untuk membentangkan kertas kerja yang bertajuk Program Fitrah Suci Ke Arah Pemantapan Kerohanian Di kalangan Penghuni PPA Machang, Kelantan: Satu Kajian Rintis.

Rujukan

[1] Jabatan Penjara Malaysia.Kefahaman agama kalangan banduan tidak diabaikan. Di perolehi daripada <http://www.Prison.Gov.my> (20 Julai 2004).

[2] Pusat Pemulihan Akhlak (2018), Laporan Tahunan. Fail Meja Bahagian Kerohanian PPA Machang,Kelantan

[3] Pusat Pemulihan Akhlak (2018), Laporan Tahunan. Bahagian Agama PPA Machang,Kelantan

[4] Corcoran, Jacqueline & Nicholas, A. 2004. Risk and Resilience Ecological Framework for Assessment and Goal Formulation, Child and Adolescent Social Work Journal. Vol. 21. Issue 3. 211-212.

[5] Maklumat Ringkas Pusat Pemulihan Ahklak Machang.(2018).Di perolehi daripada <http://www.prison.gov.my/images/carta/ppa.htm>

[6] Temu bual dengan Puan Aroki (Pegawai Pusat Pemulihan Akhlak Machang,Kelantan) (13 Februari 2018)

[7] Ali Mahfudz. (1958). Hidayah al-Mursyidin ila Turuq al-Wa’az wa al-Khitabah. Kaherah: al-Matba’ah al-Uthmaniah al-Misriyyah.

[8] Muhammad Abu al-Fatah Al-bayānunī.(1991). Al-Madkhal ilā ‘ilm al-Da’wah.Beirut: Muassasah al-Risalah.

[9] Abdul Munir bin. Hj. Ismail.(2003).Keberkesanan Aktiviti Dakwah Terhadap Banduan di Penjara Kajang, Selangor. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan.Kuala Lumpur:Universiti Malaya.

[10] Ab. Aziz Mohd. Zin. 2005. Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

[11] Ab. Aziz Mohd Zin et al.. 2006. Dakwah Islam Semasa. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

[12] Ab. Aziz Mohd. Zin. 2005. Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

[13] Ab. Aziz Mohd. Zin. 2005. Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.